

Malaysia MADANI perlukan generasi berpendidikan TVET



Timbalan Pengarah, Pusat Kepimpinan dan Kompetensi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Oley Shafry Salim
bhrencana@bh.com.my

Gagasan Malaysia MADANI dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini memberi nafas baharu perjalanan masa hadapan negara. Dalam suasana kemelut politik dan ekonomi tidak mementu pada peringkat domestik mahupun antarabangsa, Malaysia sememangnya perlu anjakan paradigma baharu lebih ampuh dan mapan untuk kekal berdaya saing.

Bagi menjayakan sesuatu gagasan, usaha berterusan membabitkan semua pihak merentas pelbagai sektor kehidupan perlu digerakkan. Walaupun konsep madani ini dilihat dikaitkan dengan Islamik, ia tetap memerlukan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pemangkin kepada pembentukan gagasan ini, khususnya dalam mendepani tiga daripada enam tonggak iaitu kemampanan, kesejahteraan dan daya cipta.

TVET adalah proses pendidikan dan latihan mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. Ia bertujuan menghasilkan tenaga kerja kompeten dalam bidang tertentu.

Skop TVET perlu berdasarkan standard pekerjaan diiktiraf, dengan penekanan kepada kompo-

nen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendidikan kepada latihan di industri. Kebanyakan negara maju menjadikan TVET sebagai teras pendidikan mereka lebih dua abad lalu dan kesannya mereka nikmati ketika ini.

Ekosistem TVET yang terancang dan kukuh, akan melonjakkan keberhasilan modal insan berkemahiran tinggi dalam masyarakat. Kemampanan sosial dan ekonomi sangat memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi kerana ia mampu menyediakan taraf hidup lebih baik kepada rakyat.

Kreativiti, inovasi

Antara elemen penting dalam TVET adalah kreativiti dan inovasi. Dalam berhadapan dengan cabaran pergolakan, ketidakpastian, kompleks dan kekaburan (VUCA), keupayaan daya cipta kreatif dan inovatif mampu menyediakan penyelesaian kepada pelbagai cabaran masa hadapan.

Dalam hal ini, TVET dilihat mampu melahirkan generasi lebih berdikari dan berdaya tahan tinggi. Generasi ini bukan sahaja bebas kebergantungan bantuan dan subsidi kerajaan, malah mereka lebih ke depan dalam menyumbang dan menjayakan pelbagai inisiatif pemerintah.

Ketiga-tiga tonggak diperteguhkan dengan inisiatif TVET ini akan memangkin pembentukan Malaysia MADANI menjurus kepada penyelesaian masalah, memenuhi keperluan semasa, menyentuh

corak masa depan dan memaksimumkan potensi rakyat serta negara.

Membangunkan generasi berpengetahuan dan berkemahiran tinggi perlu perancangan dan iltizam bersepadu semua pihak. Justeru, kerajaan perlu sentiasa menyulam elemen TVET ini dalam setiap perancangan pembangunan negara supaya rantaian elemen dalam sistem pendidikan latihan kemahiran ini dapat dihubung jalinkan secara konstruktif dan berimpak.

Pada ketika ini kerajaan berada di landasan betul memperkasakan pelaksanaan TVET. Selain penubuhan Majlis TVET Negara untuk menyelaraskan pelaksanaan TVET peringkat nasional, sinergi beberapa kementerian seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) dilihat sangat erat dalam memastikan agenda TVET menjadi keutamaan.

Jika Bajet 2022 memperuntukkan RM6.6 bilion untuk memperkasa TVET, kerajaan wajar meningkatkan jumlah ini dalam Belanjawan 2023 sebagai bukti serius memperkembangkan peranan TVET dalam pembangunan negara.

Kita sedar kejayaan gagasan Malaysia MADANI tidak dapat dicapai dalam masa singkat. Namun, melalui pemeraksanaan TVET, impian Perdana Menteri untuk mewujudkan negara mampan, rakyat sejahtera dan berdaya cipta pasti dapat dijayakan dengan lebih pantas.